

Valuecap jaga kepentingan syarikat terjejas akibat saham

UM 17 JAN 2003

KOTA BHARU 16 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan peranan Valuecap Sdn. Bhd. (Valuecap) semata-mata bagi menjaga kepentingan saham syarikat-syarikat miliknya seperti Tabung Haji, Khazanah, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan lain-lain yang terjejas kerana kejatuhan harga saham.

Beliau berkata, kerajaan berbuat demikian bagi mengatasi perbuatan sesetengah pihak yang sengaja menjual saham sesuatu syarikat, menyebabkan nilai saham jatuh teruk hingga menimbulkan masalah besar kepada banyak syarikat yang dimiliki oleh kerajaan.

“Semua orang tahu kita menubuhkan syarikat Valuecap ini untuk menjaga kepentingan kita. Kalau syarikat seperti Khazanah, TNB dan lain-lain yang kerajaan memiliki hak dan oleh kerana penjualan sa-

ham ini menyebabkan nilai saham ini jatuh, maka kita berhak untuk mempertahankan.

“Sebab itu kita menubuhkan sebuah syarikat, guna untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat yang kita mempunyai pelaburan di dalamnya,” katanya pada sidang akhbar bagi mengakhiri lawatan kerja dua harinya ke Kelantan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini, hari ini.

Valuecap dengan dana RM10 bilion, menyertai pasaran tempatan sejak Jumat lepas dan langkah itu dijangka boleh meningkatkan nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di antara 33 peratus hingga 68 peratus daripada nilai semasa.

Sehubungan itu Perdana Menteri membidas sikap sesetengah pihak yang menganggap tindakan Valuecap membeli saham-saham di pasaran sebagai tidak telus.

“Siapa sebenarnya yang telus... siapa yang menjual saham sehingga jatuh nilai saham begitu teruk sehingga menyebabkan banyak sekali masalah kepada syarikat-syarikat.

“Oleh itu kita berhak untuk membeli saham yang dijual. Itu sahaja yang kita buat... semua orang tahu kita tubuh syarikat Valuecap ini untuk menjaga kepentingan kita,” katanya.

Dr. Mahathir menambah: “Kita tubuh sebuah syarikat untuk menjaga kepentingan syarikat yang kita mempunyai pelaburan di dalamnya, kita tak perlu umum pada semua orang apa saham yang kita beli... terpulung kepada pasaran.”

Perdana Menteri berkata lagi, sehingga hari ini tiada sesiapa pun yang mengetahui siapa yang menyebabkan nilai saham jatuh sehingga merugikan banyak syarikat termasuk syarikat milik kerajaan.

“Tak ada press tanya kenapa ia (perbuatan menjatuhkan nilai saham) tidak telus. Saya nak tanya press tahu tak sapa yang buat... anda tak tahu, bermakna ia tidak telus sebab itu anda tidak tahu,” katanya.

Dr. Mahathir membidas sikap sesetengah rakyat negara ini yang sering bertindak seperti orang asing apabila kerajaan hendak melakukan sesuatu tindakan bagi membantu negara.

“Selalu sahaja ada pendapat bahawa apa juga yang kita hendak lakukan untuk menolong kita, kita selalu bertindak seperti orang asing daripada diri kita sendiri... sebab itulah kita susah untuk mendapat faedah daripada ekonomi kita.

“Jika kita mengkritik diri kita kerana ada orang lain mengkritik kita dan kerana anda merasa orang lain adalah benar serta jika anda mengikut orang lain negara ini akan bankrap,” tegasnya.